INSTITUT TEKNOLOGI MARA.

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR.

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH.

---

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang

disediakan oleh : MIZAN BIN IDRIS.

HANAFI BIN KARI.

bertajuk : KAJIAN PERANCANGAN PENYEDIAAN RUANGNIAGA DI KAWASAN PERUMAHAN. KAJIAN KES : TAMAN PRINGGIT JAYA DAN RUMAH AWAM KANDANG, MELAKA.

di bawah penyeliaan saya/kami di terima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Diploma Perancang Bandar Dan Wilayah

Diluluskan :

| | | |
|---|---|---|
| (Pengerusi Panel Penilai) | (Tandatangan) | (Tarikh) |
| NOOR HADJAR ISKANDAR<br>Puan Noorhadjar Iskandar<br>(Penyelia Utama) | (Tandatangan) | 14/5/88<br>(Tarikh) |

# KAJIAN PERANCANGAN PENYEDIAAN RUANGNIAGA DI KAWASAN PERUMAHAN

## KAJIAN KES : TAMAN PRINGGIT JAYA DAN RUMAH AWAM KANDANG, MELAKA.


OLEH

MIZAN BIN IDRIS

HANAFI BIN KARI


Satu Kajian Akhir yang disediakan untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk penganugerahan Diploma Perancang Bandar Dan Wilayah.


Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah,

Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur,

Institut Teknologi Mara,

Shah Alam.


Mei. 1988.

ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT

SENARAI JADUAL-JADUAL

SENARAI PELAN

SENARAI RAJAH

SENARAI GAMBARFOTO

PENGHARGAAN

BAB

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Kenyataan Masalah 3

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian 5

1.3.1 Matlamat Kajian

1.3.2 Objektif Kajian

1.4 Hipotesis Kajian 6

1.5 Skop Kajian 6

1.6 Pendekatan Kajian 7

1.7 Cartalir 9

1.8 Kriteria Pemilihan Tapak Kajian 10

2.0 SEJARAH, TEORI DAN PENDEKATAN KEPADA PENYEDIAAN RUANGNIAGA DI KAWASAN DI KAWASAN PERUMAHAN

2.1 Pengenalan 12

2.2 Sejarah Konsep-Konsep Perumahan dan Perletakan Pusat Perniagaannya. 13

2.2.1 Konsep Linear City 14

2.2.2 Konsep Garden City 16

2.2.3 Konsep Kejiranan 17

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Ruangniaga adalah merupakan satu keperluan yang amat penting bagi menjalankan aktiviti perniagaan yang telah bermula sejak berkurun-kurun lamanya. Selain dari itu ianya mempunyai kepentingan yang tertentu iaitu sebagai satu rangkaian mekanisma sistem 'barter' yang lengkap yang terdapat pada masyarakat kita di mana wang di tukar dengan barang yang diperlukan. Ia juga merupakan satu tempat pertemuan yang mana memberikan satu alasan atau sebab dari hari ke hari untuk manusia bertemu di antara satu sama lain dan sebahagian dari corak sosial bagi sesuatu komuniti.[1]

Perancangan bagi sesuatu pusat perniagaan mestilah di ambil perhatian yang sewajarnya. Ini adalah disebabkan oleh kepentingannya dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk. Perancangan kawasan perniagaan di taman perumahan mula wujud setelah lahirnya konsep kejiranan yang mana konsep kejiranan ini amat mementingkan kemudahan penduduk seperti sekolah, sistem pejalan kaki, balairaya dan yang paling penting sekali ialah

---

1. John Ratcliffe - An Introduction town and country planning. Hutchinson & Co. London (1974), m.s. 136.

kemudahan untuk membeli-belah seperti perkedaian dan pasaraya-pasaraya yang mana semuanya ini adalah selaras dengan maksud konsep tersebut. Pada amnya konsep kejiranan ini adalah satu pembangunan taman perumahan yang 'self-contained' di mana eleman seperti pusat perniagaan ini adalah penting kerana ianya merupakan tempat tumpuan pembelian penduduk di kawasan perumahan itu, khususnya bagi pembekalan barang-barang keperluan harian untuk kegunaan penduduk di situ.

Disebabkan terdapatnya beberapa kebaikan pada konsep kejiranan, idea berkenaan dengan konsep tersebut telah dibawa ke negara ini dan pengimplementasinya telahpun dijalankan terhadap beberapa bandar baru di sini. Segala ciri-ciri konsep kejiranan ini dipraktikkan terhadap perancangan bandar baru di mana terdapatnya pusat perjiranan di tengah-tengah kawasan perumahan tersebut dan dalam seksyen-seksyen bagi kawasan perumahan disediakan sebuah pusat tempatan yang menyediakan segala bentuk kemudahan seperti ruangniaga dan kemudahan perkhidmatan. Kemudahsampaian atau 'accessibility' yang baik adalah asas kepada penyediaan keadaan yang sedemikian.

Secara amnya dalam perancangan penyediaan ruangniaga